

**UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PEMBERIAN ELAUN KHAS KEPADA
ANGGOTA PENGUATKUASAAN DAN PASUKAN 3D
5 OGOS 2011 (JUMAAT)
IBU PEJABAT MPSP**

Terima kasih Pengacara Majlis

.....

Yang Amat Berhormat **Tuan Lim Guan Eng**
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Dato' Mansor bin Othman**
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat **Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy**
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat **Dato' Hj Farizan bin Darus**
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Tuan Chow Kon Yeow**
Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas.

Yang Berhormat **Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri**

Yang Berhormat **Dato' Hj Mokhtar bin Mohd Jait**
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Ahli-ahli Parlimen & Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri**

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan-puan **Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP**

Yang Berusaha **Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**
Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Assalamualaikum wbth dan salam sejahtera.

.....

1. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi hadir untuk Majlis Pemberian Elaun Khas Kepada Anggota Penguatkuasaan dan Pasukan 3D pada pagi yang mulia ini. Tak lupa juga kepada Yang Berhormat. Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas. Seterusnya Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan semua yang hadir pada hari ini, yang juga sanggup meluangkan masa untuk tampil bersama-sama ke Majlis Pemberian Elaun Khas Kepada Anggota Penguatkuasaan dan Pasukan 3D.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

2. Pada pagi yang mulia ini, Majlis Pemberian Elaun Khas Kepada Anggota Penguatkuasaan dan Pasukan 3D diadakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi memastikan jasa-bakti kakitangan yang bekerja dalam risiko ini dihargai. Malah diharapkan usaha yang berterusan akan dapat membantu meningkatkan imej Majlis.
3. Saya percaya, masyarakat akan dengan sendirinya mempercayai dan memberi pengiktirafan kepada kita sekiranya perkhidmatan yang kita berikan adalah yang berkualiti dan memenuhi kehendak mereka.

4. Saya menyeru kepada anggota yang akan menerima elaun tugas khas ini supaya tidak leka dan sentiasa meningkatkan kualiti kerja masing-masing. Kita tidak mahu kepercayaan yang telah diberikan ini disia-siakan oleh mereka yang diberi tanggungjawab ini.
5. Justeru setiap kakitangan MPSP hendaklah bekerja sebagai satu pasukan dan berdisplin serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan tugas yang di amanahkan kepada kita. Jikalau kita berfikiran positif, 50% rintangan telah kita atasi, cuma 50% sahaja perlu kita tangani. Selalunya kita sentiasa berperang dengan minda kita sendiri, memang naluri manusia sentiasa untuk melaksanakan yang terbaik. Justeru itu saya ingin mengingatkan sekali lagi setiap warga MPSP perlulah berfikiran positif, berdisplin serta bertanggung jawab dan amanah dalam menjalankan tugas. Kita sendiri yang memohon jawatan kita di MPSP tanpa tekanan dari sesiapa, oleh itu kita mestilah melaksanakan amanah yang diberikan. Pekerja yang cemerlang sentiasa meningkatkan tahap kecekapan, berinovasi, rajin, produktif, berdisiplin dan berintegriti. Tuan-tuan dan puan-puan adalah aset terpenting bagi MPSP.
6. Untuk makluman semua, sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2011, Direktorat Penguatkuasaan telah melaksanakan 17 operasi meruntuh. Direktorat Penguatkuasaan juga telah mengeluarkan 405 notis berhenti kerja dan 555 notis meruntuh.

Sementara kompaun pula, sebanyak 750 tindakan kompaun ke atas lori tanah dan 839 kompaun kenderaan berat telah dikeluarkan sepanjang tempoh tersebut.

Pemeriksaan terhadap 8,842 buah premis perniagaan telah berjaya dilakukan sepanjang tempoh Januari sehingga Julai 2011 dan 968 kompaun perniagaan tanpa lesen telah dikeluarkan kerana didapati beroperasi tanpa lesen.

Sebagai makluman, sebanyak 83,375 kompaun parking juga telah dikeluarkan oleh Direktorat Penguatkuasaan dan sejumlah RM 893,940.00 bayaran telah berjaya dikutip.

7. Semua kakitangan perlu “take charge” di setiap peringkat dalam kerja masing-masing, tugas harian dan pemantauan berterusan. Jangan kita ada sikap bahawa kita ada supervisors, penolong pengarah dan lain-lain untuk menyemak kerja kita. Kita mestilah arif dengan kerja kita dan mempunyai maklumat yang tepat. “Silo mentality” di dalam jabatan perlu dikikis dan “urgency of work” perlu wujudkan di dalam setiap diri tuan-tuan dan puan-puan. Janganlah kita bertangguh-tangguh dalam menjalankan tugas. Kalau tugas itu boleh dibereskan hari ini, kenapa tunggu esok pagi!.
8. Untuk makluman semua, Unit Skuad Khas MPSP telah berjaya mencatatkan beberapa kejayaan dan diberi pengiktirafan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Kejayaan yang dimaksudkan ialah ;
 - membersihkan longkang tersumbat yang dipenuhi sampah-sarap dan najis di Kampung Aston, Bukit Mertajam
 - memotong pokok tumbang yang terdapat sarang tebu
 - dan Berjaya mengumpulkan 10 kg paku ketika membersihkan kawasan Jalan Perusahaan Maju 4 dan Tingkat Perusahaan 6, Perai.

Dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang kita ada, maka kita dapat membantu penduduk Seberang Perai mengatasi masalah-masalah yang ada.

9. Saya percaya bahawa visi MPSP “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan” tidak akan berjaya tanpa penglibatan aktif semua peringkat warga MPSP. Saya melihat bahawa **modal insan** adalah elemen yang penting dalam formula kejayaan dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

Justeru, saya melihat 4 faktor utama yang boleh dijadikan sebagai sumber kekuatan, iaitu ;

➤ Pengetahuan

Warga MPSP perlu mempunyai pengetahuan dalam urusan melaksanakan kerja seharian masing-masing. Mereka perlu mempertingkatkan pengetahuan mereka dari masa ke semasa sesuai dengan peredaran masa dan kehendak semasa. Dengan ilmu pengetahuan, kita akan sentiasa dapat ***do it right first time and every time***. Warga MPSP juga hendaklah menjadi ***knowledge worker***. Dalam agama dan juga falsafah hidup ini, kita diketengahkan dengan pelbagai konsep menjurus kepada peri pentingnya ilmu pengetahuan, antaranya; **“Beramal tanpa ilmu – sesat,**

Berilmu tanpa amal - sia-sia,

Beramal dengan ilmu - itu lah yang sebaik-baiknya” .

➤ Latihan

Warga MPSP perlu mempertingkatkan kemahiran diri melalui latihan yang bertepatan dengan bidang kerja. Kenalpasti aspek latihan yang dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan. Rancang jadual latihan dengan baik supaya tuan-tuan dan puan-puan dapat menafaat sebaik mungkin. Saya yakin, hanya melalui latihan, akan meningkat produktiviti kita. Untuk makluman, MPSP telah berjaya mengadakan sebanyak **173** latihan untuk seramai **1,116** kakitangan yang melibatkan **65** kursus dalaman dan **108** kursus luaran.

➤ Usaha

Warga MPSP hendaklah sentiasa mempertingkatkan usaha dalam melaksanakan tugas seharian. Usaha yang bersungguh-sungguh. Peningkatan usaha juga melibatkan aspek pendekatan baru dalam melaksanakan kerja melalui **inovasi** dalam proses kerja dan **kreativiti** kerja.

➤ Bekerja Sepasukan (*teamwork*)

Kita perlu bekerja dalam sepasukan dan bukannya secara berasingan. Budaya kerja sebegini melahirkan suasana yang kondusif di tempat kerja. Suasana harmonis menjadikan anggota pasukan rasa selesa berada di tempat kerja dan dapat melakukan kerja dengan tenang. Tugas yang kompleks dapat diselesaikan dengan mudah bila wujudnya semangat sepasukan. Saya amat berharap ini dapat dicapai.

Para hadirin sekalian,

10. Kebersihan adalah satu matlamat utama MPSP. Oleh itu semua warga MPSP bertanggung jawab dalam memastikan kebersihan kawasan kita. Bagi kakitangan yang bertanggung jawab secara langsung terhadap kebersihan ini, saya berharap tuan-puan dapat menjalankan tugas dengan sempurna supaya pembayar cukai berpuas hati dan juga mengurangkan aduan mengenai kebersihan kawasan kita. Tan Sri KSN juga membangkit semasa perjumpaan beliau dengan semua YDP, Dato' Bandar dan Setiausaha iaitu tugas utama PBT ialah SLR- iaitu Sampah, longkang, Rumput. Kalau kita dapat melaksanakan SLR ini, maka PBT tersebut akan tersohor. Kita juga mesti menjaga kebersihan premis-premis milik MPSP termasuk tandas awam, pasar-pasar awam, kompleks penjaja dan premis MPSP
11. Selaras dengan perkembangan masa kini, skop atau bidang penguatkuasaan menjadi amat penting. Perkara ini adalah disebabkan oleh proses urbanisasi, di mana berlakunya pertambahan trend, perniagaan, perindustrian, golongan penjaja dan kapasiti penduduk serta meningkatnya kawasan perumahan di Seberang Perai.

Penguatkuasaan merupakan aset yang berharga dalam menjaga kesejahteraan dan hak umum orang ramai. Tujuan penguatkuasaan adalah untuk membolehkan tindakan pemantauan, pemulihan dan pencegahan diambil bagi memastikan peruntukan undang-undang dipatuhi.

12. Dengan adanya elaun khas bulanan ini, adalah diharapkan pihak Anggota Penguatkuasaan dan Skuad Khas menjalankan tugas dengan lebih baik dan cemerlang.
13. Dengan itu, saya sudahi ucapan ini dengan Wabillah hitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.